



KERATAN AKHBAR

CAWANGAN PERHUBUNGAN AWAM
IBU PEJABAT, JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA



bitan : BH

Tarikh : 17/6/2023

M/S : 20

2 kontena bawa arak seludup dirampas

Kuala Lumpur: Dua kontena mengandungi arak seludup dianggarkan bernilai RM1.17 juta termasuk cukai dirampas di Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang, Selangor, pada 26 dan 31 Mei lalu.

Pemeriksaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menemui pelbagai minuman keras dianggarkan berjumlah 38,776 liter dalam dua kontena terbabit, masing-masing bersaiz 12.1 meter (40 kaki) itu.

Pengarah Operasi Penguatkuasaan JKDM Zon Tengah, Wong Pun Sian, berkata rampasan pertama membabitkan 26,160 liter arak dianggarkan bernilai RM111,120 membabitkan cukai dan duti berjumlah RM793,030.

"Maklumat di dalam Bill of Lading dan Borang Kastam 1, dagangan itu diikrarkan sebagai barangan rumah dari negara jiran," katanya dalam kenyataan, semalam.

"Minuman keras diletakkan di bahagian belakang muatan kontena dan bahagian hadapan diletakkan kotak 'polyfoam' bagi mengaburi pihak kastam," katanya.

Berikutan rampasan itu, katanya, seorang wakil perkapalan dipanggil dan hadir memberi keterangan untuk



Pun Sian (dua dari kiri) menunjukkan sebahagian arak yang dirampas di Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang. (Foto ihsan JKDM)

membantu siasatan lanjut dan siasatan kes masih dijalankan untuk mengesan syarikat atau ejen pengimport.

Rampasan kontena kedua pada 31 Mei lalu pula membabitkan 12,616.20 liter minuman keras dianggarkan bernilai RM93,940 dengan jumlah cukai dan duti RM172,505.

Pun Sian berkata, berdasarkan maklumat di dalam Bill of Lading dan Borang Kastam 1, dagangan itu dii-

krarkan sebagai aksesori memancing (umpan tiruan) dari negara jiran.

Berdasarkan sumber risikan pasukan, modus operandi yang digunakan adalah cuba berselindung di sebalik ikrar barangan sukan atau hobi dan akan membayar cukai berdasarkan kod tarif terbabit.

Pun Sian berkata, siasatan bagi kedua-dua kes itu masih dijalankan mengikut Seksyen

135 (1)(d) Akta Kastam 1967.

Dalam pada itu, katanya, JKDM memerlukan bantuan awam untuk memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan.

Aduan boleh dibuat dengan menghubungi Talian Bebas Tol Kastam 1-800-88-8855 atau Pejabat Kastam yang terdekat di semua negeri dengan identiti setiap pemberi maklumat akan dirahsiakan.